

DATE: 28 / 8 / 2010

'Tindakan penunjuk perasaan ekstrem'

BH - 28/08/2010

Dr Mahathir bidas kumpulan anti-Malaysia

Oleh Nazura Ngah
nazura@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad membidas sikap penunjuk perasaan anti-Malaysia di Jakarta yang disifatkannya sebagai tidak profesional serta membela-kangkan semangat negara serumpun.

Katanya, rakyat Malaysia tidak seharusnya terikut-ikut dengan melakukan tindakan ekstrem sebagai reaksi kepada tindakan rakyat republik itu sejak 16 Ogos lalu yang memijak dan membakar Jalur Gemilang serta membaling najis manusia ke halaman Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta.

Sebaliknya, beliau menyarankan supaya rakyat Malaysia melakukan protes dengan cara baik dan aman tanpa cuba mewujudkan provokasi yang boleh memburukkan lagi kea-

daan dan menimbulkan ketegangan dua negara jiran itu.

"Kita boleh protes tetapi kita tidak patut buat apa yang mereka buat, kita tidak boleh buat cara terlalu garang, Indonesia masih sahabat kita...kita harus protes secara tersusun dan baik.

"Kita bukan macam itu (tindakan ekstrem penunjuk perasaan anti-Malaysia)... orang ini tak ada pelajaran, dia bodoh sebab itu dia buat macam itu," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran kutipan untuk rakyat

“Kita boleh protes tetapi kita tidak patut buat apa yang mereka buat, kita tidak boleh buat cara terlalu garang”

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

Palestin anjuran Viva Palestina Malaysia (VPM) selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Negara, semalam.

VPM yang sudah mengumpul dana sebanyak RM180,000 sejak seminggu lalu akan menyertai konvoi lebih 500 kenderaan termasuk trak yang memuatkan makanan, ubat, peralatan perubatan, pendidikan dan bahan binaan ke Gaza bermula 18 September ini yang akan bermula di Doha, Casablanca dan London.

Perjalanan VPM melibatkan tiga kenderaan termasuk dikendalikan dua pemandu wanita dengan muatan penuh yang setiap satunya bernilai RM55,000 akan bermula di London.

Mengulas usaha rakyat Malaysia membantu penduduk Palestin, Dr Mahathir berkata, beliau bersyukur kerana ramai rakyat yang prihatin walaupun penduduk Gaza tiada pertalian darah dan hujung kekeluargaan.